

06 JUL 1996
Lim-Kong
KEDUDUKAN KONG DITENTUKAN ESOK

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Kedudukan pengerusi Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming yang menjadi sasaran kecaman beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tidak mengundi bagi pindaan rang undang-undang Sabah baru-baru ini dijangka diketahui esok atau selewat-lewatnya minggu depan.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata Jawatankuasa Kerja Pusat parti itu akan meneliti laporan oleh sepasukan anggota jawatankuasa itu yang dihantar ke Sabah menyelidik perkara tersebut.

"Mereka balik semalam dan saya belum lagi menemui mereka. Saya akan mendapat laporan daripada mereka hari ini dan mengkajinya," katanya kepada pemberita semasa ditemui di majlis perasmian perhimpunan agung tahunan MCA di sini.

Beliau berkata jawatankuasa kerja pusat itu akan membuat keputusan mengenai kedudukan Kong "sebelum minggu depan" kerana beliau akan berada di Fiji Isnin ini bagi mewakili Perdana Menteri di mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Kepulauan Pasifik.

"Saya harap jawatankuasa itu dapat membuat keputusan sebelum saya pergi ke Fiji...jika tidak mereka kenalah tunggu sehingga saya balik dari Fiji mungkin pada hari Sabtu," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata Kong perlu meletakkan jawatan atau mengubah pendiriannya. Ini kerana pendirian yang diambil oleh Kong berhubung pindaan rang undang-undang itu bercanggah dengan kehendak BN.

Kong, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Kudat mengambil sikap berkecuali terhadap pindaan Enakmen Perhutanan Sabah pada persidangan dewan itu 17 Jun lepas.

Jawatankuasa kerja pusat Gerakan kesal dengan pendirian Kong itu tetapi memutuskan tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadapnya.

Seorang lagi anggota Dewan Undangan Negeri, Jahid Jain, anggota yang dipilih daripada parti Akar Bersatu, yang turut menentang pindaan enakmen tersebut, telah disingkir oleh partinya.

Kong, bagaimanapun, telah menawarkan diri untuk meletakkan jawatan sebagai pengerusi Gerakan Sabah.

Di KOTA KINABALU, Kong berkata beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan Gerakan pusat untuk menentukan kedudukannya dalam parti itu.

"Saya telah pun memberitahu para pemimpin Gerakan tentang apa yang saya akan cakap dan sekarang saya serahkan kepada mereka untuk memutuskannya," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun Kong enggan mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri supaya beliau (Kong) meletakkan jawatan atau mengubah pendiriannya.

Rabu lepas Kong menawarkan diri untuk meletakkan jawatan kerana berpendapat beliau bertanggungjawab terhadap tindakannya "yang telah menyebabkan berlaku salah faham di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional."

Tiga hari lepas, jawatankuasa perhubungan Gerakan negeri mendakwa bertanggungjawab di atas tindakan Kong itu dan menggesa pucuk pimpinan Gerakan agar tidak menerima perletakan jawatan Kong.

Kong dilantik sebagai pengerusi Gerakan Sabah Oktober lepas setelah meninggalkan Parti Liberal Demokratik berikutan kegagalannya untuk mengambil alih jawatan presiden daripada Datuk Chong Kah Kiat pada pemilihan parti itu Ogos lepas. -- BERNAMA

JS OBA

